



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SIRI JELAJAH ‘MYSTARTUP ROADSHOW’ SINGGAH DI SABAH

KOTA KINABALU, 24 Ogos 2022 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato’ Sri Dr. Adham Baba hari ini telah melancarkan edisi kelima siri jelajah ‘MYStartup East Malaysia Region Roadshow’ di Kota Kinabalu, Sabah.

Siri jelajah ‘MYStartup Roadshow’ ini yang dianjurkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensi pelaksana iaitu Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) merupakan lanjutan daripada beberapa siri jelajah sebelum ini dalam usaha meneroka dan memperkasa ekosistem *startup* di luar semenanjung Malaysia.

Kota Kinabalu merupakan hentian kedua di luar Semenanjung Malaysia dalam siri jelajah program MYStartup. Ia adalah sebahagian daripada usaha bagi memastikan komuniti *start-up* di Sabah turut sama terlibat dan mendapat manfaat daripada program-program pemerkasaan *start-up* secara khususnya.

Pada majlis pelancaran ‘MYStartup East Malaysia Region Roadshow’ Sabah ini, YB Dato’ Sri Dr. Adham Baba berkata, “MOSTI dan Cradle sangat berbesar hati dengan sokongan dan kerjasama daripada rakan komuniti dan teknikal setempat bagi pengajuran program ini. Antaranya termasuklah Sabah Creative Economy and Innovation Centre (SCENIC), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Sabah Net yang bersama-sama berganding bahu dalam menggerakkan perkembangan komuniti *start-up* di Sabah. Turut bersama menyokong program yang berlangsung selama dua hari ini adalah Petronas Ventures, Seed.Lab dan SIRIM.”

Cradle telah mengenal pasti masalah-masalah utama yang dihadapi oleh *start-up* di Sabah antaranya adalah kurangnya program-program pembangunan kapasiti dalam menyokong komuniti *start-up*. Syarikat-syarikat *start-up* ini mempunyai potensi yang besar tetapi memerlukan pendedahan serta bimbingan secara berterusan oleh pihak berkepentingan, bukan sahaja agensi persekutuan seperti Cradle tetapi entiti daripada pihak negeri. Pada masa yang sama, setiap entiti negeri dan persekutuan turut

digalakkan berkomunikasi secara berterusan antara satu sama lain bagi mencapai matlamat melahirkan lebih banyak *start-up* dari luar rantau Borneo.

Salah satu kejayaan syarikat *start-up* di Sabah yang boleh dijadikan contoh adalah CoreHalal yang berfungsi menyediakan platform digital dalam menyediakan solusi secara *end-to-end* bagi membantu perniagaan mengautomasikan operasi pengurusan halal secara harian. Pembangunan CoreHalal yang merupakan pemenang MYHackathon 2020 ini adalah hasil sokongan daripada agensi-agensi seperti SCENIC yang bertanggungjawab mengenal pasti CoreHalal, Cradle sebagai pemberi dana, MDEC yang memacu prestasi, Halal Development Corp. yang membantu dalam pengkomersialan dan MRANTI sebagai penyedia akses ke peringkat global.

Pada majlis pelancaran tersebut, turut diadakan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Cradle dan SCENIC. Menerusi MoU ini, SCENIC akan menjadi rakan komuniti MYStartup di peringkat negeri Sabah selain mempromosikan program-program MYStartup. Pada masa yang sama, Cradle juga akan menyokong program-program pembangunan eksosistem *start-up* anjuran SCENIC di negeri tersebut.

Antara aktiviti sepanjang jelajah adalah sesi taklimat berkenaan Pelan Hala Tuju Ekosistem *Start-up* (SUPER), sesi demo portal MYStartup, sesi panel berkaitan ekosistem *start-up* serta peluang pembiayaan yang boleh dipohon oleh *start-up*. Turut diadakan adalah sesi perkongsian oleh rakan-rakan strategik program MYStartup dan sesi konsultasi secara *one-to-one*.

Cradle juga telah memeterai beberapa kolaborasi dengan rakan-rakan komuniti di siri jelajah sebelum ini seperti Digital Penang (siri jelajah edisi Pulau Pinang) dan TEGAS Digital Village (siri jelajah edisi Sarawak). Menerusi kolaborasi-kolaborasi tersebut, pelbagai aktiviti dijalankan seperti Digital Penang *bootcamp* dan *Start-up Weekend* (dengan tema sekuriti makanan) untuk ekosistem *start-up* tempatan.

Maklumat lanjut mengenai ekosistem *start-up* Malaysia, program-program yang bakal dianjurkan Cradle dan juga maklumat berkenaan hentian siri jelajah ‘MYStartup Roadshow’, *start-up*, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem sila layari dan mendaftar di platform MYStartup di www.mystartup.gov.my.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

24 Ogos 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Emily Clarice Joannes
Pegawai Penerangan
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
03-88858299
emily@mosti.gov.my

Mohamad Fadhli Hamim
PR & Media
Komunikasi Strategik
Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)
013-3969406
fadhli.hamim@cradle.com.my